

XXXXXX

LWN

XXXXXX

Mahkamah Tinggi Syariah Melaka,  
Datuk Mahammad bin Ibrahim  
Ketua Hakim Syarie.

23 November 2011

*Undang-Undang Mahkamah Syariah-Harta Sepencaraan-Bidangkuasa  
Mahkamah Tinggi Syariah- Seksyen 122 Enakmen Pentadbiran Agama  
Islam Negeri Melaka 2002-Takat Sumbangan Defendan dan Si Mati-  
Tuntutan Balas Hibbah.*

**Fakta Kes:**

1. Kes ini adalah merupakan suatu tuntutan Harta Sepencaraian di kalangan ahli waris XXXXXX terhadap Defendan terhadap harta tidak alih milik Defendan. Plantif pertama, kedua dan ketiga adalah merupakan anak kepada pasangan tersebut.

**DOKUMEN INI HANYA UNTUK RUJUKAN SAHAJA DAN TIDAK BOLEH  
DIGUNAKAN SEBAGAI HUJAHAN DALAM PROSIDING MAHKAMAH**

2. Tuntutan ke atas asset Harta tak alih tersebut adalah merupakan perkongsian bersama diantara XXXXXX dengan Defendan. Mereka menuntut supaya  $\frac{1}{2}$  bahagian daripada harta tersebut atau nilainya diserahkan kepada Plaintiff Kedua sebagai pemberian secara hibah yang telah dibuat oleh XXXXXX. Alternatifnya,  $\frac{1}{2}$  bahagian yang lain daripada harta tersebut atau nilainya diisytiharkan sebagai Harta Pusaka XXXXXX. Harta tersebut hendaklah difaraidkan di kalangan waris-waris XXXXXX termasuklah Defendan.
3. Plaintiff-Plaintif telah memfailkan saman pada 17 Ogos 2007 dan Pernyataan Tuntutan dibuat pada 27.7.2007 di Mahkamah Tinggi Syariah Melaka.
4. Plaintiff Pertama adalah XXXXXX; Plaintiff Kedua adalah XXXXXX manakala Plaintiff Ketiga adalah XXXXXX.
5. Defendan XXXXXX merupakan suami yang sah kepada XXXXXX (No. K/P: 56XXXX-04-XXXX). Mereka telah bernikah pada 5 April 1979 di Daerah Melaka Tengah (Bilangan: 380/79).
6. Isteri Defendan iaitu XXXXXX (No. K/P: 56XXXX-04-XXXX) telah meninggal dunia pada 10 Julai 2004 di Hospital Melaka disebabkan sakit

yang dikenali sebagai "Acute Coronary Syndrome With Septiceamia Underlying Ugib".

7. Semasa hayatnya XXXXXX, beliau telah bekerja sebagai Pembantu Tadbir di Pejabat Risda Negeri Melaka, No. 36, Jalan Tun Sri Lanang, 75100 Melaka. Pendapatan akhir beliau adalah sebanyak Ringgit Malaysia Satu Ribu Enam Ratus Empat Belas dan Sen Enam Puluh Dua (RM1,614.62) sahaja sebulan.
8. Semasa berkahwin pasangan tersebut telah membeli sebuah rumah kembar dua yang didirikan di atas tanah yang dikenali sebagai H.S.(M) 141/78, Lot 1558, Kawasan Bandar V, Daerah Melaka Tengah, Negeri Melaka yang telah didaftarkan di atas nama Defendan.
9. Rumah tersebut telah dibeli pada 3.6.1980 dengan harga RM45,000.00. Pembayaran deposit sebanyak RM4,500.00 telah dijelaskan oleh XXXXXX iaitu ibu kepada XXXXXX yang juga merupakan ibu mertua Defendan.
10. Untuk tujuan pembelian rumah tersebut Defendan telah membuat pinjaman daripada Bank Bumiputera Malaysia Berhad sebanyak RM36,000.00. XXXXXX adalah merupakan Penjamin kepada pinjaman rumah tersebut. Defendan juga telah mengeluarkan sebahagian daripada

**DOKUMEN INI HANYA UNTUK RUJUKAN SAHAJA DAN TIDAK BOLEH  
DIGUNAKAN SEBAGAI HUJAHAN DALAM PROSIDING MAHKAMAH**

wang simpanannya di Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) untuk menampung tersebut.

11. Seterusnya, XXXXXX telah membuat pinjaman peribadi sebanyak RM30,000.00 kepada Koperasi Pekebun Kecil Risda untuk tujuan mengubahsuai rumah tersebut. Tambahan dan ubahsuai rumah tersebut juga mendapat bantuan daripada XXXXXX sebanyak RM16,000.00 dan RM2,000.00 diperolehi daripada sumbangan XXXXXX, adik XXXXXX.
12. XXXXXX dan XXXXXX turut terlibat dalam menjelaskan tunggakan hutang pinjaman Defendan. Ketika mana rumah tersebut hampir hendak dilelong oleh pihak bank di atas kegagalan Defendan membayar balik pinjaman tersebut. Ketika itu Defendan tidak bekerja selama lebih kurang dua (2) tahun.
13. Semasa hayat XXXXXX, Defendan dan XXXXXX telah berjanji dan bersepakat melafazkan bahawa rumah tersebut hendaklah diserahkan kepada Plaintiff Kedua. Janji tersebut telah didengar dan disaksikan oleh rakan keluarga bernama XXXXXX.
14. Defendan telah berumahtangga semula, namun rumah tersebut masih belum dipindahmilikkan ke atas nama Plaintiff Kedua. Defendan sebaliknya berhasrat mahu memindahmilik rumah tersebut kepada isteri

barunya. Plaintiff-plaintiff telah dihalang untuk memasuki rumah tersebut walaupun ketika perayaan seperti Hari Raya Aidilfitri.

15. Plaintiff-Plaintiff telah berusaha untuk menyelesaikan dengan mengadakan perundingan secara pendamaian namun kesemua usaha tersebut telah gagal.
16. Plaintiff-Plaintiff menyatakan bahawa walaupun rumah tersebut atas nama Defendan, akan tetapi rumah tersebut telah diperolehi semasa perkahwinan mereka. XXXXXX juga telah memberikan sumbangan dalam bentuk wang ringgit dalam tempoh tersebut. Selain itu, XXXXXX juga telah menunaikan kewajipan sebagai isteri dengan penuh rasa tanggungjawab dan kasih sayang sehinggalah XXXXXX meninggal dunia.
17. Berdasarkan kepada fakta-fakta tersebut Plaintiff-Plaintiff menyatakan bahawa rumah tersebut merupakan Harta Sepencarian diantara Defendan dan XXXXXX dimana Plaintiff-Plaintiff adalah waris yang sah bagi pihak XXXXXX.
18. Manakala Defendan didalam tuntutan balas beliau telah menuntut barang-barang kemas seperti rantai, gelang tangan, loket berlian yang telah beliau beri kepada XXXXXX dalam anggaran sebanyak RM20,000.00 dan

juga wang ganti rugi, SES getah daripada Risda, Khairat Kematian Allahyarhamah sebanyak RM88,000.00. Barang-barang dan wang tersebut hendaklah diisytiharkan sebagai harta pusaka XXXXXX dan difaraidkan di kalangan waris-waris.

19. Defendan menuntut agar sebuah rumah teres 1 tingkat di PT. No. 1094, H.S.(D) No. 11283, Mukim Bukit Katil, Melaka Tengah, Melaka diisytiharkan sebagai harta sepencarian. Defendan berhak  $\frac{1}{2}$  bahagian daripada harta tersebut.

**Diputuskan:**

1. Mahkamah sabit dan istiharkan bahawa harta-harta yang dituntut iaitu:
  - a. Harta sebuah rumah H.S.(M) 141/78 Lot 1558 Kawasan Bandar V, Daerah Melaka Tengah Melaka.
  - b. Sebuah rumah yang dibeli oleh XXXXXX di PT No. 1094, H.S.(D) 11283, Mukim Bukit Katil, Melaka.

Adalah diistiharkan sebagai harta sepencarian diantara XXXXXX dengan Defendan XXXXXX dan Plaintiff-Plaintif selaku anak-anaknya berhak ke atas harta tersebut.

2. Mahkamah perintahkan sebuah rumah H.S.(M) 141/78, Lot 1558 Kawasan Bandar V, Daerah Melaka Tengah, Melaka dibahagikan dua.  $\frac{1}{2}$  bahagian diberikan kepada XXXXXX dan  $\frac{1}{2}$  bahagian lagi diberikan kepada Defendan.  $\frac{1}{2}$  bahagian daripada bahagian milik XXXXXX hendaklah diberikan dan diletak Hak kepada Plaintiff Kedua iaitu XXXXXX.
3. Rumah tersebut hendaklah dinilai mengikut harga pasaran semasa. Sekiranya rumah tersebut hendak diserahkan kepada Plaintiff Kedua maka Plaintiff Kedua hendaklah membayar  $\frac{1}{2}$  bahagian daripada nilai rumah kepada Defendan. Sekiranya Defendan berkehendakan rumah tersebut maka Defendan hendaklah membayar  $\frac{1}{2}$  bahagian daripada nilai rumah tersebut kepada Plaintiff Kedua.
4. Sekiranya rumah tersebut hendak dijual maka wang tersebut hendaklah dibahagi dua.  $\frac{1}{2}$  bahagian kepada Defendan,  $\frac{1}{2}$  bahagian lagi kepada Plaintiff Kedua.
5. Mahkamah perintahkan sebuah rumah lagi di PT No.1094, H.S.(D) 11283, Mukim Bukit Katil dibahagikan mengikut kadar seperti berikut:-

Defendan mendapat kadar sumbangan secara langsung dan tidak langsung adalah sebanyak RM 8,000.00 manakala XXXXXX mendapat selebihnya.

Hak bahagian XXXXXX selebihnya hendaklah dibahagikan kepada ketiga-tiga Plaintif-plaintif mengikut persetujuan di antara mereka.

6. Mahkamah perintah supaya semua barang-barang kemas yang menjadi Hakmilik XXXXXX hendaklah dinilai dipasaran semasa dan jumlah wang tersebut hendaklah dibayar dahulu hutang-hutang kepada penyumbang-penyumbang *renovation* rumah di Lot 1558 Melaka Tengah.

Sekiranya ada baki wang tersebut, pihak-pihak yang terlibat hendaklah membuat permohonan rasmi faraid di Mahkamah Tinggi dengan seberapa segera yang boleh.

7. Mahkamah menolak tuntutan Defendan untuk mendapat wang khairat kematian, SES getah daripada Risda serta ganti rugi kesemua wang tersebut telah dibelanjakan untuk pengajian dan keperluan anak-anaknya.
8. Mahkamah menolak tuntutan untuk mensabitkan Hibah Plaintif-Plaintif untuk mendapat  $\frac{1}{2}$  bahagian hibahan kepada Plaintif Kedua kerana ia tidak memenuhi kehendak rukun dan syarat sah Hibah.
9. Kos ditanggung oleh pihak masing-masing.

**Peguam Syarie:**

**DOKUMEN INI HANYA UNTUK RUJUKAN SAHAJA DAN TIDAK BOLEH DIGUNAKAN SEBAGAI HUJAHAN DALAM PROSIDING MAHKAMAH**



Plaintif-Plaintif : Tuan Hj Zulfiqri Zakaria daripada Tetuan  
Zulfiqri Zakaria & Co.  
Defendan : En. Adli Bin Ithnin daripada Tetuan Adli & Co.

### Kitab-Kitab Yang Dirujuk

1. Kitab **مغني المحتاج** oleh Syeikh Khatib As-Syarbini didalam Jld.2 muka surat 397.
2. Kitab Fiqh al-Kitab Wa al-Sunnah Jil.3 oleh Dr. Amir Abdul Aziz muka surat 1604.
3. Kitab “Fiqh al-muamalat” oleh Al-Syeikh Muhammad Ali Shoboni muka surat 119.
4. Kitab **مغني المحتاج** bagi Al-Syeikh Al-Khatib Al- Syarbini jilid kedua, muka surat 397
5. Kitab al-Turuq al-Hukmiyyah fi al-Siasah al-Syari’iyyah, Ibnu Qayyim al-Jauziyyah cetakan Dar al Kitab al-Alamiyah pada muka surat 22
6. Kitab Bughyah al-Mustarsyidin oleh Sayyid Abdul Rahman Bin Muhammad Bin Hussain Bin Umar, muka surat 197, cetakan Dar al-Kutub al-Ilmiyyah Beirut Lebanon tahun 1998M
7. Kitab **إعانة الطالبين**  
Oleh Al-Syed al-Bakri Ibnu al-Sayed Mohamad Shatha al-Dumyati didalam Hal. 508 – 509 Jld. 4, cetakan al-Maktabah al-Taufiqiyyah Mesir

### Undang-undang Yang Dirujuk

**DOKUMEN INI HANYA UNTUK RUJUKAN SAHAJA DAN TIDAK BOLEH  
DIGUNAKAN SEBAGAI HUJAHAN DALAM PROSIDING MAHKAMAH**

1. Seksyen 3(b)(x) Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Melaka (2002)
2. Sekeyen 122, Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Melaka (2002).

### **Kes-kes yang Dirujuk**

1. XXXXXX lwn XXXXXX (2008) Jld. 25 Bhg. 2 muka surat 199

### **Alasan Penghakiman Oleh Y.A.A Datuk Mahammad bin Ibrahim Ketua Hakim Syarie Negeri Melaka**

1. Dalam kes ini pihak Plaintiff Pertama, Kedua dan Ketiga adalah anak kepada Defendan telah menuntut supaya sebuah rumah berkembar dua di atas tanah yang dikenali sebagai H.S.(M) 141/78, Lot. 1558, Kawasan Bandar V, Daerah Melaka Tengah Negeri Melaka diisytiharkan sebagai harta sepencarian di antara XXXXXX dengan Defendan.
2. Plaintiff-Plaintif juga menuntut ½ bahagian daripada harta rumah tersebut atau nilainya diserahkan kepada Plaintiff Kedua sebagai pemberian Hibah yang telah dibuat oleh XXXXXX kepada Plaintiff Kedua.
3. Alternatifnya ½ bahagian daripada harta tersebut atau nilainya diisytiharkan sebagai Harta Pusaka XXXXXX dan difaraidkan dikalangan waris-waris XXXXXX dan Defendan.

**DOKUMEN INI HANYA UNTUK RUJUKAN SAHAJA DAN TIDAK BOLEH  
DIGUNAKAN SEBAGAI HUJAHAN DALAM PROSIDING MAHKAMAH**

4. Manakala Defendan telah membuat tuntutan balas dengan menuntut barang-barang kemas seperti ranti, gelang tangan, loket berlian yang telah beliau beli kepada XXXXXX dalam anggaran RM20,000.00. Defendan juga menuntut wang gantirugi, SES getah daripada Risda, khairat kematian Allahyarhamah yang dianggarkan sebanyak RM88,000.00 diisytiharkan sebagai harta pusaka XXXXXX serta difaraidkan dikalangan ahli waris.
  
5. Seterusnya Defendan juga menuntut sebuah rumah teres 1 tingkat di PT. No. 1094, H.S.(D) No. 11283, Mukim Bukit Katil, Melaka Tengah, Melaka diisytiharkan sebagai harta sepencarian. Defendan berhak ½ bahagian daripada harta tersebut.
  
6. Untuk tidak menimbulkan pertikaian bidang kuasa, Mahkamah ingin memperjelaskan bahawa Mahkamah Tinggi Syariah ini adalah diberi bidang kuasa untuk mendengar, membicarakan seterusnya membuat keputusan terhadap tuntutan harta sepencarian tersebut. Ini adalah jelas sepertimana di dalam Seksyen 3(b)(x) Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Melaka Tahun 2002.  
  
Menurut Seksyen 3(b)(x):

“Dalam bidang kuasa Malnya mendengar dan memutuskan semua tindakan atau prosiding jika semua pihak dalam tindakan atau prosiding itu adalah orang Islam dan tindakan atau prosiding itu adalah berhubung dengan pembahagian atau tuntutan harta sepencarian”.

7. Mahkamah juga diberi bidang kuasa untuk mendengar dan memutuskan harta sepencarian tersebut sepertimana yang di peruntukan di dalam Seksyen 122, Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Melaka (2002).

Mengikut Seksyen 122(1):

*"Mahkamah hendaklah mempunyai kuasa apabila membenarkan lafaz talak **ATAU** apabila membuat suatu perintah perceraian untuk memerintahkan supaya apa-apa aset-aset yang diperolehi oleh pihak-pihak itu dalam masa perkahwinan dengan usaha bersama mereka dibahagi antara mereka **ATAU** supaya mana-mana aset itu di jual dan hasil jualan dibahagian antara pihak-pihak itu".*

Didalam kes ini Mahkamah telah mengenalpasti bahawa terdapat empat (4) isu penting yang timbul daripada tuntutan tersebut. Isu-isu tersebut adalah seperti berikut :-

- i. Isu pemberian Hibah.
- ii. Isu harta sebuah rumah H.S.(M) 141/78, Lot. 1558, Kawasan Bandar V, Daerah Melaka Tengah Negeri Melaka sebagai harta sepencarian bersama Defendan dan XXXXXX.
- iii. Isu Tuntutan Balas Barang Kemas yang dikatakan dibeli oleh Defendan kepada XXXXXX yang dianggarkan sebanyak RM20,000.00.
- iv. Isu terakhir ialah sebuah rumah yang dibeli oleh XXXXXX di PT. No. 1094, H.S.(D) No. 11283, Mukim Bukit Katil, Melaka Tengah, Melaka yang mahu diisytiharkan sebagai harta sepencarian di antara Defendan dan XXXXXX, isteri Defendan.

## **Isu Pertama:**

### **Isu Pemberian Hibah**

8. Dalam isu pemberian Hibah ini, telah timbul dakwaan daripada pihak Plaintiff-Plaintif semasa mereka memberikan keterangan. Mereka mendakwa pemberian Hibah ini telah dibuat oleh XXXXXX kepada Plaintiff Kedua iaitu XXXXXX.

Mereka mendakwa Kenyataan Hibah tersebut telah dibuat oleh Allahyarhamah ibu mereka semasa beliau masih hidup lagi.

9. Didalam keterangan Plaintiff-Plaintif telah menyatakan bahawa rumah di atas tanah yang dikenali sebagai H.S.(M) 141/78, Lot. 1558, Kawasan Bandar V, Daerah Melaka Tengah Negeri Melaka telah dibeli oleh Defendan semasa dalam perkahwinan mereka pada 3.6.1980 dengan harga RM 45,000.00. Defendan telah meminjam wang daripada Bank Bumiputera Malaysia Berhad sebanyak RM 36,000.00 – XXXXXX telah menjadi penjamin kepada pinjaman tersebut. Defendan telah mengeluarkan wang KWSP untuk mencukupkan dan menyelesaikan sebahagian daripada pinjaman tersebut.

10. Plaintiff-Plaintif mendakwa wang deposit untuk pembelian rumah tersebut telah dijelaskan oleh XXXXXX. XXXXXX merupakan Ibu kepada XXXXXX. Pemberian deposit tersebut dianggarkan sebanyak RM 4,500.00
  
11. Seterusnya Plaintiff-Plaintif dalam keterangan mereka menyatakan bahawa XXXXXX telah membuat pinjaman peribadi sebanyak RM 30,000.00 dari Koperasi Pekebun Kecil Risda. Tujuannya ialah untuk membuat '*renovation*' ke atas rumah tersebut.
  
12. Plaintiff-Plaintif juga telah mendakwa bahawa pengubahsuaian rumah tersebut disumbangkan juga oleh XXXXXX sebanyak RM 16,000.00. Sumbangan wang juga diterima daripada XXXXXX iaitu adik kepada XXXXXX sebanyak RM 2,000.00
  
13. Apabila rumah tersebut telah siap diubahsuai dan diduduki maka Plaintiff mendakwa bahawa Defendan dan XXXXXX telah berjanji dan bersepakat melafazkan bahawa rumah tersebut diserahkan kepada Plaintiff Kedua.

Plaintif-plantif mendakwa lafaz tersebut telah disaksikan oleh keluarga yang terdekat XXXXXX dan lain-lain lagi.

14. Didalam keterangan Saksi 1 Plaintiff yang bernama XXXXXX telah menyatakan bahawa **Defendan mahu memberikan rumah tersebut kepada Plaintiff Kedua.** Akan tetapi Defendan tidak memindah milik rumah tersebut kepada Plaintiff Kedua yang merupakan anak kepada Defendan walaupun XXXXXX telah meninggal dunia.
15. Didalam keterangan Plaintiff Kedua iaitu XXXXXX telah menyatakan bahawa Allahyarhamah ibunya **telah menyatakan niat untuk memberikan rumah tersebut kepadanya.** Beliau berpesan agar rumah tersebut tidak dijual.

Plaintiff Kedua menyatakan bahawa semasa lafaz Hibah tersebut ianya disaksikan oleh XXXXXX, XXXXXX serta XXXXXX.

Selanjutnya Plaintiff Kedua menjelaskan bahawa Defendan tidak pernah menarik balik pemberian tersebut. Keterangan mereka ini telah disokong oleh saksi-saksi Plaintiff. Saksi Plaintiff 1 ialah **XXXXXX telah menyatakan bahawa XXXXXX telah menyatakan hasratnya menyerahkan rumah tersebut kepada Plaintiff Kedua.**

16. Semasa disoal semula, saksi tersebut menegaskan bahawa semasa lafaz Hibah tersebut dilafazkan ianya didengar dan disaksikan oleh Defendan, XXXXXX, XXXXXX dan Plaintiff Kedua.



17. Saksi juga menyatakan bahawa pendirian Defendan telah berubah setelah beliau berkahwin baru. Saksi tersebut telah menegaskan bahawa pemberian tersebut tidak pernah ditarik balik oleh Defendan.
18. Saksi Plaintiff Kelima telah menyatakan walaupun Defendan ada berjanji untuk menamakan rumah tersebut atas nama Plaintiff Kedua, penamaan tersebut masih belum berlaku kerana Defendan masih hidup dan belum berhajat untuk melaksanakan pemberian tersebut.
19. Manakala Plaintiff Pertama telah menyatakan bahawa semasa hayat XXXXXX telah berhasrat menyerahkan rumah tersebut kepada Plaintiff Kedua dengan disaksikan oleh XXXXXX (saksi Plaintiff Ketiga), XXXXXX (saksi Plaintiff Keempat), XXXXXX (saksi Plaintiff Kedua) dan XXXXXX (saksi Plaintiff Pertama). Plaintiff menyatakan bahawa ketika itu Defendan bersetuju untuk memberikan kepada Plaintiff Kedua.
20. Manakala Defendan telah menafikan dengan mengatakan bahawa beliau tidak pernah menyatakan hasrat sedemikian dan menegaskan bahawa beliau tidak pernah berhajat memberikan rumah tersebut kepada sesiapa pun.

21. Didalam kes ini saya dapati keterangan Plaintiff dan saksi-saksi Plaintiff seolah-olah bercanggah diantara satu sama lain. Keterangan Plaintiff Kedua menyatakan bahawa Defendan dan XXXXXX telah berjanji dan bersefakat untuk menyerahkan rumah tersebut kepada Plaintiff Kedua. Manakala keterangan Plaintiff Ketiga menyatakan bahawa XXXXXX, ibunya telah menyatakan niatnya untuk memberikan rumah tersebut kepada Plaintiff Kedua. Manakala Plaintiff Pertama telah menyatakan bahawa semasa hayat XXXXXX telah berhasrat untuk menyerahkan rumah tersebut kepada Plaintiff Kedua. Plaintiff Kedua telah menyatakan Defendan dan ibunya bermuafakat dan berjanji untuk serah rumah tersebut kepada Plaintiff Kedua.
22. Manakala Plaintiff Pertama dan Ketiga sama-sama menyatakan bahawa Allahyarhamah ibunya berhasrat dan berniat untuk menyerahkan rumah tersebut kepada Plaintiff Kedua.

Begitu juga dengan saksi-saksi yang telah dikemukakan oleh Plaintiff.

Saksi Kedua, XXXXXX menyatakan **Defendan** mahu memberikan rumah tersebut kepada Plaintiff Kedua.

**Saksi Plaintiff Keempat,** XXXXXX telah menyatakan XXXXXX menyatakan hasratnya menyerahkan rumah tersebut kepada Plaintiff Kedua.

**Saksi Kelima** menyatakan walaupun **defendan** berjanji untuk menyerahkan rumah tersebut namun beliau masih hidup dan belum lagi bertindak untuk membuat sedemikian.

Saksi Ketiga, XXXXXX telah mengatakan bahawa rumah tersebut **diamanahkan** kepada Plaintiff Kedua.

Saksi keenam Plaintiff, XXXXXX telah menjelaskan bahawa **Defendan berjanji** untuk menamakan rumah tersebut kepada Plaintiff Kedua.

Oleh itu saya dapati Kelima Saksi tersebut seolah-olah bercanggah diantara satu sama lain.

Saksi kedua, kelima, keenam telah menyatakan Defendan berjanji untuk serah rumah tersebut kepada Plaintiff Kedua.

Saksi keempat, XXXXXX yang berjanji untuk serah rumah tersebut kepada Plaintiff Kedua.

Manakala saksi ketiga menyatakan rumah tersebut telah diamanahkan kepada Plaintiff Kedua.

23. Walaupun apa-apa perkataan, perjanjian yang telah diucapkan oleh Plaintiff-Plaintif dan Saksi-saksi Plaintiff berkaitan dengan rumah tersebut Mahkamah dapati tidak satupun keterangan yang diberikan menunjukkan adanya lafaz Hibah tersebut dibuat. Sekiranya benar-benar berlaku Hibah tentulah satu lafaz Hibah ditunjukkan. Sementara itu juga Mahkamah dapati Defendan sepertimana yang didakwa berjanji untuk memberikan rumah tersebut kepada Plaintiff menafikan pemberian tersebut. Mahkamah dapati juga bahawa XXXXXX yang berjanji dan berhasrat untuk menyerahkan rumah tersebut kepada Plaintiff Kedua adalah bukan tuan punya milik rumah tersebut. Rumah tersebut telah didaftarkan atas nama Defendan. Bagaimana pula orang yang bukan empunya milik pandai-pandai untuk menyerahkan rumah tersebut kepada Plaintiff Kedua. Cuma Mahkamah dapati XXXXXX merupakan seorang isteri kepada Defendan yang menyumbangkan kewangan secara langsung dan sumbangan tidak langsung terhadap rumah tersebut.
24. Untuk membuktikan dakwaan bahawa rumah tersebut adalah sesuatu Hibah yang memenuhi kehendak rukun dan syarat sah Hibah, maka eloklah dirujuk kepada Hukum Syarak.

Sepertimana yang diketahui bahawa rukun Hibah itu mempunyai tiga (3) rukun seperti yang dinukilkan oleh Syeikh Khatib As-Syarbini didalam kitabnya **مغني المحتاج** Jld.2 muka surat 397.

1. Rukun Pertama:

Pihak-pihak yang melakukan akad Hibah iaitu terdiri daripada pemberi Hibah dan penerima Hibah.

2. Rukun Kedua:

Siqhah Aqad Hibah melalui ijab dan qabul.

3. Rukun Ketiga:

Borang yang dihibahkan.

**Rukun Pertama:**

25. Pihak-pihak yang melakukan akad Hibah iaitu terdiri daripada pemberi Hibah dan Penerima Hibah.

Untuk itu Mahkamah coba merujuk kepada pandangan Dr. Amir Abdul Aziz didalam kitabnya Fiqh al-Kitab Wa al-Sunnah Jil.3 muka surat 1604 yang berkaitan dengan syarat rukun pertama.

الذو اهب :

ع وشروطه أن يكون ممن يملك التبرع، لأن الهبة تبرع فلا يملكها من لا يملك التبر

*Maksudnya: Syarat wahib ialah orang yang memiliki hak Tabarru'. Ini adalah kerana Hibah ialah Akad Tabarru', maka tidak Tabarru' bagi orang yang bukan miliknya.*

Pandangan ini disokong oleh Al-Syeikh Muhammad Ali Shoboni didalam kitabnya: "Fiqh al-muamalat" muka surat 119

آن يكون الذو اهب ما لكا للشيء الموهوب ، فلا يصح ان يهب شيئاً لا يملكه

*Syarat pemberi Hibah ialah orang yang mempunyai milik sempurna barang yang di Hibahkan, maka tidak sah menghibahkan barang yang bukan miliknya.*

26. Didalam kitab **مغني المحتاج** bagi Al-Syeikh Al-Khatib Al- Syarbini jilid kedua, muka surat 397 beliau berkata:

**DOKUMEN INI HANYA UNTUK RUJUKAN SAHAJA DAN TIDAK BOLEH DIGUNAKAN SEBAGAI HUJAHAN DALAM PROSIDING MAHKAMAH**

عدم جواز الهبة ممن ليس له حق التصرف

Maksudnya: *Tidak harus Hibah bagi orang yang tidak ada hak Tasarruf didalam pengurusan harta.*

Menurut pandangan Al-Syeikh Al-Syarqawi didalam kitabnya "Hasyiah al-Syarqawi pula ialah:

وشرط الو اهب المك واطلاق التصرف في ماله

*Syarat Wahib ialah Pemilikan yang sempurna dan kebebasan mengurus hartanya itu secara sempurna.*

27. Di dalam syarat sah rukun Hibah pertama (Wahib) disyaratkan supaya orang yang hendak menghibahkan kepada seseorang itu hendaklah orang yang memiliki harta tersebut. Sekiranya orang yang tidak memiliki harta tersebut membuat hibahan tersebut maka ia dikira tidak sah.
28. Di dalam kes ini saya dapati orang yang membuat hibahan kepada Plaintiff Kedua adalah bukan hak miliknya. Bagaimana mungkin Harta yang bukan miliknya boleh dihibahkan kepada orang tertentu. Sebenarnya ianya tidak ada kuasa untuk berbuat demikian.

**DOKUMEN INI HANYA UNTUK RUJUKAN SAHAJA DAN TIDAK BOLEH DIGUNAKAN SEBAGAI HUJAHAN DALAM PROSIDING MAHKAMAH**

29. Oleh itu didalam kes ini, saya telah mengenal pasti dan berpuashati bahawa XXXXXX tidak mempunyai kuasa dan autoriti untuk menghibahkan Harta tersebut kepada Plaintif Kedua kerana ini jelas bahawa rumah yang dipertikaikan itu adalah rumah Hakmilik Defendan. Defendan bebas untuk memberikan kepada sesiapa yang ia suka.

**Rukun Kedua:**

**Sighah Aqad, Hibah Melalui Ijab dan Qabul**

30. Walaupun barang yang telah dihibahkan adalah sebuah rumah akan tetapi oleh kerana rukun dan syarat sah rukun pertama tidak dipenuhi oleh pemberi Hibah maka tidak timbul lagi rukun ketiga untuk dibahaskan.
31. Kesimpulannya bahawa oleh kerana Mahkamah mengenal pasti bahawa Hibahan tersebut dibuat dengan cara tidak mengikut rukun dan syarat Hibah maka Hibahan tersebut tidak boleh diterima dan ditolak.

**Isu Kedua:**

**Isu sebuah rumah H.S.(M) 141/78 Lot 1558 Kawasan Bandar V, Daerah Melaka Tengah Melaka sebagai harta sepencarian bersama Defendan dan XXXXXX**



32. Di dalam kes ini Plaintiff Pertama, Kedua dan Ketiga telah memberi keterangan-keterangan, mereka telah disokong oleh enam (6) orang saksi.
33. Plaintiff Pertama dalam keterangan mengatakan bahawa rumah yang dipertikaikan itu adalah rumah yang dibeli oleh Defendan. Rumah tersebut didaftarkan atas nama Defendan – terdapat beberapa penambahan modal terhadap harta tersebut dengan sumbangan daripada nenek dan bapa-bapa saudara.
34. Bagi kerja-kerja renovasi, kos telah ditanggung bersama-bersama oleh XXXXXX, adik XXXXXX, nenek, ibu saudara sebelah XXXXXX.
35. Rumah tersebut telah banyak menerima sumbangan daripada adik beradik XXXXXX. Plaintiff menyatakan kerja-kerja renovasi dijalankan sekitar tahun 1997 yang melibatkan kos lebih kurang RM 70,000.00 Oleh itu Plaintiff-Plaintiff telah menuntut atas sumbangan secara langsung atau sumbangan tidak langsung.
36. Plaintiff menyatakan bahawa pinjaman wang telah dibuat dengan Bank Bumiputra Malaysia Berhad sebanyak RM 36,000.00; XXXXXX telah menanggung bayaran sebanyak RM 4,500.00 bagi membeli rumah tersebut.

37. Manakala Plaintiff Kedua telah memberikan keterangan dengan menegaskan bahawa XXXXXX, ibunya semasa hayatnya telah memberikan sumbangan sebanyak RM 30,000.00 dengan membuat pinjaman daripada Risda. Allahyarhamah ibunya telah mengeluarkan RM 10,000.00 daripada saham ASB, selain itu juga sumbangan diberikan oleh XXXXXX sebanyak RM 16,000.00; RM 5,000.00 lagi telah disumbangkan oleh XXXXXX dan XXXXXX pula telah menyumbangkan sebanyak RM 9,000.00.
38. Plaintiff menjelaskan bahawa kedudukan dan keadaan rumah tersebut pada asalnya sangat teruk. Setelah dilakukan *renovation*, *hall* depan garaj telah menjadi besar. Berlaku juga penambahan bilik dan bilik air, stor dan dapur.
39. Beliau telah melihat sendiri bahawa XXXXXX, ibunya telah membuat bayaran kepada kontraktor cina yang dilantik secara tunai.
40. Plaintiff juga telah menerangkan bahawa kerja-kerja pengubahsuaian telah dijalankan pada tahun 2006 yang melibatkan kos sebanyak RM 35,000.00 Plaintiff menegaskan bahawa Defendan tidak memberi perhatian dan sokongan terhadap kerja-kerja renovasi rumah tersebut.

41. Manakala Plaintiff Ketiga telah memberi keterangan dengan menyatakan bahawa rumah tersebut di atas nama Defendan tetapi perkakas di dalam rumah tersebut telah dibeli oleh XXXXXX, ibunya.

Plaintif menyatakan bahawa kerja-kerja pengubahsuaian berlaku dimana kos diperolehi daripada pinjaman Risda yang dibuat oleh XXXXXX semasa hidupnya dan juga mendapat bantuan kewangan daripada keluarga XXXXXX. Semua keterangan yang diberikan oleh mereka disokong oleh enam (6) orang saksi.

42. Mengikut keterangan saksi-saksi Plaintiff Pertama bahawa XXXXXX telah membuat pinjaman daripada Risda untuk tujuan melakukan renovasi ke atas rumah tersebut.

Saksi Pertama mengesahkan bahawa kos renovasi rumah tersebut adalah lebih kurang RM 70,000.00 Saksi telah menjelaskan bahawa perbelanjaan kos renovasi rumah tersebut telah disumbangkan juga oleh emak dan adik beradik XXXXXX.

43. Manakala Saksi Kedua menjelaskan bahawa kos renovasi terhadap rumah tersebut turut disumbangkan oleh XXXXXX dengan membuat pinjaman kepada Risda, Saksi Kedua sendiri telah menyumbangkan sebanyak RM 16,000.00; XXXXXX sebanyak RM 5,000.00 dan

XXXXXX sebanyak RM 9,000.00. Saksi Kedua menjelaskan bahawa beliau turut menyumbangkan sebanyak RM 5,000.00 bagi tujuan renovasi rumah tersebut. XXXXXX telah mengeluarkan deposit bagi pembelian rumah tersebut.

Saksi tersebut telah mengesahkan bahawa telah berlaku pengubahsuaian terhadap rumah tersebut yang turut disumbangkan oleh adik beradik XXXXXX. Saksi ini telah menjelaskan dan menegaskan bahawa terdapat pengubahsuaian dapur, bilik dan *porch* terhadap rumah tersebut.

44. Saksi Plaintiff Keempat tidak banyak menyentuh hal renovasi rumah tersebut didalam keterangannya. Beliau hanya diamanah untuk memegang wang amanah sahaja. Manakala Saksi Kelima adalah seorang kontraktor Cina, beliau menegaskan bahawa beliau ada membuat kerja renovasi rumah tersebut. Saksi tersebut menjelaskan bahawa beliau menerima bayaran secara tunai dengan mengeluarkan resit sekali.

Saksi Keenam menjelaskan rumah tersebut adalah di atas nama Defendan. Segala kos renovasi rumah tersebut dibuat dan disumbangkan oleh XXXXXX dan keluarganya.

45. Manakala Defendan didalam keterangannya menjelaskan bahawa Defendan telah membeli rumah tersebut dengan harga RM 45,000.00 pada tahun 1980. Defendan telah mengeluarkan wang KWSP sebanyak 10% iaitu sebanyak RM 4,500.00 untuk deposit rumah tersebut. Bakinya sebanyak RM 36,000.00 adalah pinjaman daripada Bank Bumiputera Malaysia Berhad.

Defendan dalam keterangannya menjelaskan bahawa ubahsuai rumah tersebut telah menggunakan wangnya sendiri sebanyak RM 48,000.00 Wang tersebut diperolehi semasa Defendan berhenti kerja dengan Syarikat Shell. Wang tersebut diberikan kepada XXXXXX untuk kegunaan renovasi rumah tersebut.

Defendan menegaskan bahawa Plaintiff-Plaintif adalah anak-anaknya yang tidak mengetahui perbincangan dan perkongsian yang telah dibuat oleh mereka berdua. Defendan menjelaskan bahawa Plaintiff-Plaintif masih belajar pada ketika itu dan segala urusan dibuat oleh Defendan bersama Allahyarhamah isteri beliau.

46. Di dalam hujah penggulungan bela Defendan, Peguam beliau menjelaskan bahawa Plaintiff-Plaintif hanya berjaya membuktikan bahawa rumah tersebut dibeli di dalam tempoh perkahwinan dan XXXXXX hanya membantu dari segi sumbangan tidak langsung seperti menjaga makan

pakai Defendan dan anak-anak. Keterangan Defendan disokong oleh tiga (3) orang saksi Defendan sahaja.

Saksi Pertama semasa keterangan menjelaskan bahawa *renovation* rumah tersebut turut disumbangkan oleh Ibu Mertua Defendan tetapi saksi Defendan tidak mempunyai pengetahuan tentang jumlah pinjaman yang dibuat oleh Defendan didalam urusan pembelian rumah tersebut.

Saksi Kedua juga tidak berpengetahuan mengenai rumah tersebut kerana beliau adalah isteri yang baru kepada Defendan.

Saksi Ketiga menjelaskan bahawa Defendan telah mengeluarkan wang deposit sebanyak RM 4,500.00; saksi tersebut menjelaskan bahawa beliau tidak mempunyai apa-apa pengetahuan berkenaan dengan renovasi rumah tersebut.

47. Di atas keterangan Plaintiff dan Defendan serta saksi-saksi Plaintiff dan Defendan menunjukkan bahawa XXXXXX telah menyumbangkan kewangan secara langsung dan juga tidak langsung. Mahkamah dapati juga pihak XXXXXX telah menyumbangkan secara tidak langsung seperti memberi buah fikiran dan tenaga.

Begitu juga Defendan telah menyumbangkan kewangan untuk membeli rumah tersebut. Ini dapat dilihat dengan jelas terhadap apa yang disumbangkan oleh mereka.

48. Sumbangan secara langsung oleh Defendan adalah seperti berikut :-

**i. Sumbangan Defendan:**

- a. Defendan membeli rumah tersebut dengan harga RM 45,000.00
- b. RM 36,000.00 pinjaman Bank Bumiputera
- c. RM 4,500.00 Keluaran KWSP

Jumlah kewangan yang terkumpul adalah seperti berikut:

RM 36,000.00 + RM 4,500.00 **berjumlah RM 40,500.00**

Dalam kes ini saya dapati peruntukan untuk membeli rumah tersebut tidak mencukupi. Saya dapati juga ketidak cukupan peruntukan tersebut telah dibiayai bersama oleh XXXXXX sebanyak RM 4,500.00.

Maka jumlah yang terkumpul ialah RM 40,500.00 + RM 4,500.00

**berjumlah RM 45,000.00**

**ii. Sumbangan Allahyarhamah bersama keluarga terhadap renovasi rumah tersebut adalah seperti berikut:**

**DOKUMEN INI HANYA UNTUK RUJUKAN SAHAJA DAN TIDAK BOLEH  
DIGUNAKAN SEBAGAI HUJAHAN DALAM PROSIDING MAHKAMAH**

- a. Jumlah renovasi rumah adalah sebanyak RM 70,000.00
- b. Allahyarhamah sumbang sebanyak RM 30,000.00 hasil daripada pinjaman daripada Koperasi Risda dan RM 10,000.00 wang dari ASB
- c. XXXXXX menyumbangkan sebanyak RM 16,000.00
- d. XXXXXX menyumbangkan sebanyak RM 5,000.00
- e. XXXXXX menyumbangkan sebanyak RM 9,000.00

Jumlah sumbangan keluarga dan Allahyarhamah adalah berjumlah  
RM 30,000.00 + 10,000.00 + 16,000.00 + 5,000.00 + 9,000.00 =  
**RM 70,000.00**

- 49. Saya dapati dalam kes ini Allahyarhamah telah menyumbangkan secara peribadi sebanyak RM 40,000.00. RM 30,000.00 lagi telah disumbangkan oleh keluarga Allahyarhamah. Kesemua sumbangan tersebut adalah untuk renovasi rumah tersebut.
- 50. Daripada keterangan dan penjelasan tersebut telah jelas bahawa Allahyarhamah telah menyumbangkan lebih separuh daripada harga rumah tersebut. Ini bermakna harta tersebut telah bercampur-campur dengan harta Defendan. Ini bermakna jumlah keseluruhan harga rumah dan *renovation* rumah tersebut berjumlah (RM 45,000.00 + RM 70,000.00) = RM 115.000.00



51. Setelah Mahkamah membuat pengiraan, Mahkamah dapati Allahyarhamah telah menyumbangkan kewangannya melebihi daripada separuh harga rumah tersebut.

Maka dengan itu sumbangan tersebut adalah selaras dengan Seksyen 122 Enakmen Keluarga Islam Melaka (2002) mengikut Seksyen 122(2).

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh Sub-Seksyen (1) Mahkamah hendaklah mengambil perhatian tentang:

- a. Takat sumbangan-sumbangan yang telah dibuat oleh setiap satu pihak dalam bentuk wang, harta atau kerja bagi memperoleh asset-aset itu.
- b. Apa-apa hutang yang terhutang oleh salah satu pihak yang telah dilakukan bagi manfaat bersama mereka.
- c. Keperluan-keperluan anak-anak yang belum dewasa daripada perkahwinan itu jika ada, dan tertakluk kepada pertimbangan-pertimbangan itu, Mahkamah hendaklah membuat pertimbangan yang sama banyak.

52. Didalam Seksyen tersebut telah jelas menunjukkan bahawa di dalam membuat pertimbangan dan pengukuran perolehan harta tersebut Mahkamah hendaklah memberikan 'priority' kepada tiga perkara tersebut:

- a. Takat-takat sumbangan
  - b. Apa-apa hutang yang terhutang dan
  - c. Keperluan anak-anak.
53. Di dalam isu ini Mahkamah merujuk kepada kitab al-Turuq al-Hukmiyyah fi al-Siasah al-Syari'iyah, Ibnu Qayyim al-Jauziyyah cetakan Dar al Kitab al-Alamiyah pada muka surat 22 dan menyebut:

من ذلك : أن جمهور الفقهاء يقولون في تداعي الزوجين ، والصانعين لمتاع البيت والدكان : إن القول من يدل الحل على صدقه . والصحيح في هذه المسألة ، انه لا عبرة باليد الحسية ، بل وجودها كعدمها . لو إعتبرناها لا إعتبرنا به يد الخاطف لعمامة غيره وعلى رأسه عمامة ، واخر خلفه حاسر الرأس ، ونحن نقطع بأن يده ظالمة عادية ، فلا إعتبرلها .

Yang bererti:

“Di antaranya ialah di kalangan ahli perundangan Islam telah sepakat berpendapat bahawa di dalam kes tuntutan antara suami isteri yang sama-sama berusaha dalam mendapatkan harta rumah tangga dan berkedai, tuntutan yang sedemikian hendaklah di terima berdasarkan keterangan yang membuktikan tuntutan itu. Sebenarnya di dalam persoalan ini, pemilikan sesuatu harta itu tidak dikira hanya semata-mata

berdasarkan nama yang tertera di dalam harta itu. Setakat nama yang tertera di dalam sesuatu harta itu belum tentu membuktikan pemilikannya. Kenyataan sebegini adalah kerana seandainya diambil kira hak milik sesuatu harta semata-mata mengikut nama yang tertera di dalam harta itu, maka nescaya serban yang dipakai di kepala seseorang yang merampas serban kepunyaan orang lain akan dikira sebagai serban kepunyaan perampas itu, sedangkan pengiktirafan yang sedemikian adalah suatu kezaliman dan tidak diambil kira”.

54. Didalam kitab Bughyah al-Mustarsyidin oleh Sayyid Abdul Rahman Bin Muhammad Bin Hussain Bin Umar meninggal dunia tahun 132 Hijrah, muka surat 197, cetakan Dar al-Kutub al-Ilmiyyah Beirut Lebanon tahun 1998M juga ada menyatakan: meninggal tahun 132 Hijrah.

إختاط حل الزوخين ولم يعلم لأيهما أكثر ، ولا قرينة تميز أحهما ، وحصلت بينما فرقة  
أوموت ، لحم يصح لأحدهما ولا وارثه تصرف في شيء منه قبل التمييز أو الصلح لإمع  
صاحبه ، إذلامرجح .

Yang bererti:

“Telah bercampur harta suami isteri dan tidak diketahui harta siapa yang lebih banyak tidak ada tanda-tanda yang dapat membezakan harta salah seorangnya kemudian berlaku perpisahan antara keduanya ataupun mati,

maka tidak sah salah seorang dari mereka (suami isteri) atau warisnya memerintah (Mengguna) sesuatu daripada harta itu sebelum dapat dibezakan ataupun sebelum adanya persetujuan antara pihak-pihak (al-Sulh), kecuali bersama-sama dengan pemilikannya oleh sebab tidak merajjjj (tanda yang membezakan di antara harta-harta berkenaan)”.

55. Berdasarkan undang-undang dan pendapat para ulamak tersebut dapatlah dibuat kesimpulan bahawa kes tuntutan suami isteri yang telah berpisah atau mati terhadap harta yang telah bercampur-campur hendaklah diambilkira berdasarkan kepada sejauhmana kadar sumbangan mereka.
56. Untuk itu Mahkamah akan menilai berdasarkan kepada kadar sumbangan tersebut. Sebelum mengukur kadar sumbangan pihak-pihak yang terlibat maka Mahkamah hendaklah memastikan terlebih dahulu bahawa harta yang diperolehi adalah harta semasa perkahwinan mereka.
57. Dalam kes ini saya dapati harta rumah tersebut telah dibeli di dalam masa perkahwinan mereka. Saya dapati juga jarak masa perkahwinan mereka adalah 25 tahun. Didalam masa perkahwinan itu mereka telah membeli sebuah rumah dan membuat renovasi terhadap rumah tersebut. Setelah jelas kepada Mahkamah bahawa Harta tersebut telah dibeli dalam masa perkahwinan maka perlu dibuktikan takat sumbangan yang mereka

sumbangkan. Ini adalah berketetapan dengan tafsiran Harta Sepencarian didalam Undang-undang Keluarga Islam Negeri Melaka (2002).

“Harta yang diperolehi bersama oleh suami isteri semasa perkahwinan berkuatkuasa mengikut syarat-syarat yang ditentukan oleh hukum syarak”.

58. Peruntukan Seksyen 122 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Negeri Melaka (2002) hendaklah dibaca bersama dengan tafsiran harta sepencarian yang membawa maksud seperti berikut:-

Pertama: Harta yang diperolehi bersama oleh suami isteri semasa perkahwinan berkuatkuasa menurut syarat-syarat yang ditentukan oleh hukum syarak dengan usaha bersama mereka.

Kedua: Harta yang diperolehi bersama oleh suami isteri semasa perkahwinan berkuatkuasa menurut syarat-syarat yang ditentukan oleh Hukum Syarak dengan usaha tunggal satu pihak kepada perkahwinan itu.

Ketiga: Harta-harta yang dipunyai oleh satu pihak sebelum perkahwinan yang telah dimajukan kepada sebahagian

besarnya dalam masa perkahwinan itu berkuatkuasa menurut syarat-syarat yang ditentukan dalam Hukum Syarak oleh pihak yang satu lagi atau dengan usaha bersama suami isteri.

59. Didalam kes ini saya telah mengenal pasti bahawa Harta tersebut telah diperolehi bersama semasa hayat perkahwinan mereka.
60. Didalam Undang-undang tersebut telah jelas menunjukkan bahawa pertimbangan dan pengukuran hendaklah memenuhi tiga (3) perkara tersebut ialah:
- a. Takat-takat sumbangan
  - b. Apa-apa hutang yang terhutang dan
  - c. Keperluan anak-anak

Untuk itu marilah kita sama menilai pertimbangan dan pengukuran tersebut:

**i. Takat-takat sumbangan:**

**a. Sumbangan Secara Langsung:**

Di dalam kes ini telah jelas kepada kita bahawa Allahyarhamah telah menyumbangkan secara langsung kewangan sebanyak RM 40,000.00 untuk mengubahsuai rumah tersebut. RM 30,000.00 lagi telah disumbangkan oleh adik beradik Allahyarhamah.

**DOKUMEN INI HANYA UNTUK RUJUKAN SAHAJA DAN TIDAK BOLEH DIGUNAKAN SEBAGAI HUJAHAN DALAM PROSIDING MAHKAMAH**

**b. Sumbangan Secara Tidak Langsung:**

Di dalam kes ini saya dapati Allahyarhamah telah menyumbangkan secara tidak langsung seperti memberikan buah fikiran, idea dan dorongan, menyerahkan jiwa raga kepada suami pada setiap masa dan waktu.

Allahyarhamah telah menyediakan dan menguruskan segala keperluan harian makan minum, pakaian kepada suami dan anak-anak. Memenuhi tugas harian memasak, membasuh dan mengemas rumah tangga, memberi didikan kepada anak-anak serta menguruskan persekolahan anak-anak serta menyenangkan hati suami dan memberi semangat dalam kerjaya suami sehingga memperolehi kejayaan.

Di dalam kes ini juga saya berpuashati bahawa Allahyarhamah telah menyumbangkan secara langsung dan tidak langsung. Didalam kes ini saya dapati Defendan tidak mempertikaikan langsung mengenai kedua-dua sumbangan tersebut.

**ii. Apa-apa hutang yang terhutang:**

Di dalam kes ini saya dapati Allahyarhamah didalam membuat renovasi rumah tersebut telah dibantu oleh keluarga yang terdekat seperti ibunya dan adik beradiknya. Mereka telah menyumbangkan sebanyak RM 30,000.00 untuk membolehkan *renovation* dilakukan terhadap rumah tersebut. Semua sumbangan ini adalah dikira sebagai hutang yang perlu dibayar kepada penyumbang-penyumbang tersebut.

Hutang-hutang yang perlu dibayar adalah seperti berikut:

- a. Hutang kepada XXXXXX - RM 4,500.00 untuk deposit rumah dan RM 16,000.00 untuk pengubahsuaian rumah tersebut.
- b. Hutang kepada XXXXXX – RM 5,000.00
- c. Hutang kepada XXXXXX – RM 9,000.00

Semua hutang tersebut berjumlah **RM 34,500.00**

### **iii. Keperluan anak-anak:**

Sepertimana yang diperjelaskan oleh Plaintiff-Plaintiff bahawa hasil perkahwinan diantara Defendan dengan Allahyarhamah telah dianugerahkan dengan tiga (3) orang anak. Dua (2) lelaki dan seorang perempuan. Seorang anak lelakinya telah berkahwin dan dua (2) orang lagi masih menyambung pelajaran ke peringkat menara gading. Oleh kerana kedua-dua anak mereka masih lagi menyambung pelajaran maka

**DOKUMEN INI HANYA UNTUK RUJUKAN SAHAJA DAN TIDAK BOLEH  
DIGUNAKAN SEBAGAI HUJAHAN DALAM PROSIDING MAHKAMAH**



keperluan kewangan adalah merupakan satu keperluan yang mendesak. Mereka memerlukan sumber kewangan bagi membeli keperluan harian, makan minurn, bayaran asrama, yuran pengajian universiti, pembelian buku dan peralatan yang diperlukan. Semuanya ini memerlukan sumber kewangan yang tetap bagi melancarkan kesenambungan pengajian mereka.

61. Oleh itu Mahkamah berpendapat bahawa sumber kewangan untuk pengajian universiti adalah satu keperluan yang perlu kepada sumber dana yang tetap. Oleh itu anak-anak mereka memerlukan dana tersebut untuk meneruskan pengajian mereka.
62. Di dalam kes ini juga timbul persoalan mengenai dakwaan Defendan mengatakan ia telah menyerahkan sejumlah wang RM 40,000.00 kepada XXXXXX. Wang tersebut dimasukkan ke dalam akaun XXXXXX. Tujuannya adalah untuk menampung perbelanjaan *renovation* rumah tersebut. Defendan mendakwa bahawa, pemberian tersebut tidak diketahui oleh Plaintiff-Plaintif. Untuk membuktikan samada benar atau tidak dakwaan tersebut, Mahkamah dapati pihak Defendan tidak dapat membawa sebarang bukti dokumen atau *statmen* bank yang menunjukkan adanya penyaluran wang sebanyak RM 40,000.00 kepada Allahyarhamah melalui akaun bank.

63. Sekiranya benar dakwaan tersebut maka statmen bank atau buku akaun bank Allahyarhamah boleh ditunjukkan kepada Mahkamah. Tetapi malangnya Defendan hanya mendakwa sahaja wang tersebut telah diberikan kepada Allahyarhamah. Kesemua saksi atau ketiga-tiga saksi Defendan tidak dapat menyokong keterangan tersebut. Oleh itu Mahkamah menganggap bahawa kenyataan Defendan bahawa wang sebanyak RM 40,000.00 yang diberikan oleh Defendan kepada XXXXXX sebagai dakwaan semata-mata. Dakwaan tanpa bukti, Mahkamah tidak boleh menerima kecuali ada bukti yang kukuh dikemukakan kepada Mahkamah.

64. Inilah syarat dakwaan yang telah dikenakan ke atas Defendan – iaitu dakwaan pemberian tersebut hendaklah jelas dan terang dan perlu diperincikan. Inilah pendapat Al-Syed al-Bakri Ibnu al-Sayed Mohamad Shatha al-Dumyati didalam kitabnya:

إعانة الطالبين

Hal. 508 – 509 Jld. 4, cetakan al-Maktabah al-Taufiqiyyah Mosir, yang mengariskan mengenai syarat-syarat dakwaan tersebut iaitu seperti berikut:

ان تكون مفصلة بأن يفصل المدعى ما يدعيه

Dakwaan seseorang yang mendakwa itu hendaklah terang, jelas dan perlu diperincikan; dan

ان لا تناقضها دعوى أخرى

Dakwaan yang dibuat tidak bercanggah dengan dakwaan yang lain.

65. Jadi jelas bahawa dakwaan Defendan tersebut adalah tidak jelas dan tidak dihuraikan secara terperinci serta tidak dibuktikan kerana ianya tidak disokong oleh saksi-saksi Defendan atau apa-apa dokumen.
66. Pada pendapat Mahkamah apabila Mahkamah mengabungkan ketiga-tiga elemen tersebut maka saya berpuas hati bahawa Allahyarhamah berhak mendapat separuh bahagian daripada nilai harta rumah tersebut. Ini disebabkan Allahyarhamah telah menyumbangkan kewangan secara langsung dan secara tidak langsung. Manakala Defendan berhak mendapat separuh bahagian daripada nilai harta rumah tersebut.

**Isu Ketiga:**

**Tuntutan balas barang-barang kemas yang dikatakan dibeli oleh Defendan kepada XXXXXX sebanyak RM 20,000.00**

**DOKUMEN INI HANYA UNTUK RUJUKAN SAHAJA DAN TIDAK BOLEH DIGUNAKAN SEBAGAI HUJAHAN DALAM PROSIDING MAHKAMAH**

67. Di dalam kes ini timbul isu didalam tuntutan balas mengenai barang-barang kemas yang telah dibeli oleh Defendan kepada XXXXXX yang dianggarkan dalam lingkungan RM 20,000.00

- ❖ Di dalam keterangan Defendan, Defendan telah menyatakan bahawa beliau telah menampung sejumlah wang untuk membelikan barang-barang kemas tersebut sepanjang tempoh perkahwinan mereka. Barang-barang kemas tersebut dibeli hasil titik peluh beliau semasa bekerja dahulu.
- ❖ Defendan menyatakan bahawa sekarang ini, beliau tidak tahu dimana beradanya barang-barang kemas tersebut.
- ❖ Defendan percaya barangan itu disimpan oleh salah seorang daripada keluarga Plaintiff-Plaintif.
- ❖ Selepas kematian XXXXXX, Defendan menuntut barang-barang kemas dan wang XXXXXX dengan gantirugi, SES getah daripada Risda, khairat kematian sebanyak RM 88,000.00 sebagai harta pusaka. Maka ianya perlu difaraidkan kepada waris-waris yang berhak.
- ❖ Defendan menegaskan bahawa kesemua barang-barang kemas, khairat kematian dan bayaran daripada Risda tersebut adalah milik XXXXXX dan hendaklah dibahagikan secara faraid kepada waris-waris.

68. Manakala Plaintiff Pertama dalam keterangannya mengatakan bahawa jumlah barang kemas tersebut adalah kurang daripada RM 20,000.00
69. Didalam hujahan pihak Peguam Plaintiff-Plaintif ada menyatakan bahawa mengenai isu barang kemas yang cuba dibangkitkan oleh Defendan sebagai harta sepencarian, itu tidak timbul kerana barang kemas tersebut telah dihadiahkan oleh ibu XXXXXX.
70. Mengenai isu kewangan yang dituntut oleh Defendan berjumlah RM 88,000.00, Plaintiff Pertama telah menegaskan didalam keterangan bahawa hanya menerima wang sejumlah RM 69,000.00 sahaja.
71. Manakala saksi Plaintiff Keempat telah memberi keterangan dengan menjelaskan bahawa oleh kerana Defendan mempercayai beliau sebagai pemegang amanah, maka beliau diberi kepercayaan untuk memasukkan wang ke Bank Rakyat. Kali pertama beliau telah memasukkan wang sebanyak RM 15,000.00 Kali kedua beliau telah memasukkan wang sebanyak RM 43,000.00 yang menjadikan jumlahnya sebanyak RM 58,000.00. Wang tersebut telah diserahkan kepada Plaintiff Pertama untuk tujuan menyambung pelajaran diperingkat sarjana di salah sebuah universiti di Malaysia. Ini diakui sendiri oleh Defendan bahawa wang tersebut digunakan untuk menyambung pelajaran di peringkat

sarjana dan selebihnya digunakan untuk keperluan pengajian oleh anak-anak yang lain.

72. Di atas keterangan Defendan dan Plaintiff-Plaintif dapat disimpulkan bahawa tuntutan Defendan sebanyak yang didakwa RM 88,000.00 tidak dibuktikan dengan terperinci. Bagaimana wang tersebut diperolehi sebanyak itu. Tuntutan Defendan adalah bercanggah dengan kenyataan Plaintiff Pertama dan Saksi Plaintiff Keempat.
  
73. Defendan menjelaskan keseluruhan wang yang dituntut adalah sebanyak RM 88,000.00 sedangkan Plaintiff Pertama mengatakan wang tersebut diterima adalah berjumlah RM 69,000.00 Begitu juga dengan keterangan Saksi Plaintiff Keempat mengatakan ia telah menerima wang dan dimasukkan wang ke dalam Akaun Bank Rakyat adalah sebanyak RM 58,000.00
  
74. Sebenarnya keterangan Plaintiff Pertama yang menerima wang sebanyak RM 69,000.00 adalah tidak bercanggah dengan kenyataan Saksi Plaintiff Keempat. Ini adalah kerana wang yang diterima dari pemberian Saksi Keempat kepada Plaintiff Pertama adalah berjumlah RM 69,000.00. Sebenarnya wang terimaan sebanyak RM 69,000.00 itu adalah wang yang dicampurkan dengan wang khairat kematian Allahyarhamah.

75. Di dalam kes ini saya dapati tuntutan Defendan untuk mendapatkan wang sejumlah itu untuk difaraidkan adalah kurang tepat. Ini adalah kerana wang tersebut telah digunakan dan dibelanjakan oleh Plaintiff Pertama untuk menyambung pelajaran di peringkat sarjana serta wang tersebut juga digunakan untuk menampung keperluan pengajian dua (2) orang adik beradik yang lain. Ini diakui sendiri oleh Defendan bahawa wang itu digunakan untuk pengajian ketiga-tiga anak mereka. Seorang anaknya telah menyambung pelajaran ke peringkat sarjana, manakala yang dua orang lagi sedang dalam pengajian. Mana mungkin wang itu diminta kembali sedangkan wang tersebut berkemungkinan habis dibelanjakan untuk tujuan tersebut. Cuma tuntutan Defendan mengenai barang-barang kemas tersebut menjadi isu yang relevan tetapi perlu dibuktikan.
76. Mahkamah mendapati bahawa ada dua kenyataan yang dipertikaikan dan bercanggah di antara satu sama lain. Defendan menyatakan barang-barang kemas tersebut telah dibeli oleh Defendan. Manakala satu kenyataan lagi mengatakan barang-barang kemas itu adalah hadiah daripada ibunya kepada Allahyarhamah – yang mana betul?
77. Mahkamah dapat merangka bahawa barang kemas tersebut telah dibeli oleh Allahyarhamah dan Defendan hanya menampung harga yang tidak mencukupi sahaja. Manakala selain daripada itu adalah hadiah pemberian daripada ibu Allahyarhamah. Maka kesemua barang kemas

tersebut kalau dijumlahkan ianya menjadi tidak kurang jumlahnya daripada RM 20,000.00. Maka daripada jumlah tersebut ianya berkemungkinan boleh dibahagikan secara faraid. Kalau dibuat pembahagian faraid maka ibu kepada Allahyarhamah mendapat 1/6 bahagian. Suami atau defendan mendapat 1/4 bahagian manakala dua anak lelaki dan seorang anak perempuan mendapat asabah daripada jumlah wang sebanyak RM 20,000.00

Mahkamah menganggapkan biarlah Defendan menuntut hak tersebut melalui permohonan rasmi secara faraid di Mahkamah Tinggi Syariah secara berasingan dengan tuntutan ini.

**Isu Terakhir:**

**Sebuah rumah yang dibeli oleh XXXXXX di PT No. 1094, HS(D)  
11283, Mukim Bukit Katil, Melaka**

78. Defendan dan Plaintiff telah memberikan keterangan seperti berikut:
- i. Plaintiff dan Defendan mengakui bahawa rumah di atas telah dibeli oleh XXXXXX di dalam tempoh perkahwinan mereka.
  - ii. Defendan telah bersama-sama menyumbangkan fikiran dan mencadangkan pembelian rumah tersebut. Defendan mendakwa



telah menyumbangkan sebanyak RM 2,000.00 sebagai bayaran guaman.

- iii. Defendan penuh percaya bahawa Defendan mempunyai hak di atas rumah tersebut di atas sumbangan secara langsung dan tidak langsung sepanjang tempoh perkahwinan mereka.
- iv. Walaupun pinjaman bank di atas nama XXXXXX, namun begitu keizinan Defendan untuk Allahyarhamah membeli rumah tersebut dan perbincangan awal lokasi pembinaan rumah serta segala urusan penambakan rumah tersebut dibuat secara bersama adalah menunjukkan bahawa Defendan telah bersama-sama menyumbangkan buah fikiran, tenaga dan kewangan terhadap rumah tersebut.
- v. Defendan penuh percaya Defendan juga berhak di atas harta sepencarian tersebut sebanyak  $\frac{1}{2}$  bahagian berdasarkan sumbangan secara langsung dan tidak langsung Defendan.

79. Di atas keterangan yang diberikan oleh Plaintiff-plaintif dan Defendan maka Mahkamah berpendapat bahawa kedua-dua pihak mengakui wujudnya pembelian rumah kedua di Air Keroh, Melaka semasa dalam perkahwinan ibu bapa mereka. Mereka juga mengakui Defendan memberikan sumbangan secara langsung dan tidak langsung. Pihak Defendan telah menyumbangkan secara langsung sebanyak RM 2,000.00 sebagai bayaran guaman. Ini diakui sendiri oleh Plaintiff-

Plaintif manakala sumbangan tidak langsung adalah memberi idea-idea mengenai lokasi rumah yang dibeli serta perbincangan mengenai *renovation* rumah tersebut dibuat secara bersama.

80. Cuma dalam kes ini Mahkamah akan menilai sejauh manakah kadar sumbangan secara tidak langsung tersebut itu dibuat dan dinilai. Memandangkan adanya sumbangan tersebut maka Mahkamah berpendapat bahawa Defendan patut diberikan haknya terhadap nilai rumah tersebut berdasarkan sumbangan secara langsung dan tidak langsung Defendan. Mahkamah akan cuba merangka sumbangan tersebut berdasarkan nilai semasa adalah seperti berikut:

- a. Sumbangan yang telah diberikan secara langsung adalah RM 2,000.00 Ini tidak dipertikaikan oleh pihak Plaintiff-Plaintif.
- b. Manakala sumbangan secara tidak langsung Mahkamah menganggarkan sebanyak RM 6,000.00 sahaja. Ini adalah kerana Mahkamah tidak nampak apa-apa peranan yang dimainkan oleh Defendan untuk membeli dan mengubahsuai rumah tersebut kecuali seprtimana yang dinyatakan oleh Defendan sahaja.

81. Oleh itu Mahkamah ini berpendapat bahawa Defendan hanya layak mendapat sebanyak **RM 8,000.00** sahaja. Kalau Plaintiff-Plaintif setuju

sumbangan tersebut boleh dicukupkan menjadi genap RM 10,000.00. Itu kalau pihak Plaintiff-Plaintif setuju.

82. Akhir sekali dalam kes ini saya dapati pihak Peguam Defendan mempertikaikan mengenai keterangan saksi-saksi yang diberikan adalah terdiri daripada sanak saudara yang rapat yang boleh mengundang kepada tomahan.
83. Peguam Defendan dalam hujahan telah membawa satu kes rujukan iaitu kes XXXXXX lwn XXXXXX (2008) Jld. 25 Bhg. 2 muka surat 199. Dalam kes tersebut peguam defendan telah berhujah dengan membawa sebuah hadith:

لا تجوز شهادة لذي الطنة ولاذى الحنة والطنة التهمة والحنة العداوة

Yang bermaksud:

Tidak boleh diterima keterangan saksi yang ada tomahan dan ada permusuhan.

84. Untuk menjawab persoalan ini Mahkamah dapati semua keterangan yang diberikan adalah dalam bentuk baiyinah (keterangan) bukan syahadah.

**DOKUMEN INI HANYA UNTUK RUJUKAN SAHAJA DAN TIDAK BOLEH DIGUNAKAN SEBAGAI HUJAHAN DALAM PROSIDING MAHKAMAH**

85. Saya bersetuju dengan hujahan Peguam Plaintiff bahwa tidak timbul soal tomahan kerana ianya tidak pernah dipertikaikan didalam masa perbicaraan. Sebaliknya keterangan-keterangan yang diberikan adalah benar, telus, bersahaja dan tanpa keraguan atau sebarang pakatan yang terlibat semasa mereka memberi keterangan. Saksi-saksi seperti yang didakwa oleh Defendan tidak mempunyai apa-apa kepentingan terhadap harta yang dipertikaikan, sebaliknya ianya ingin melihat keadilan dapat ditegakkan.
86. Bagi mempertikaikan Saksi-saksi Plaintiff bukanlah pada tahap hujahan ini. Ianya boleh dipertikaikan ketika mana berlaku proses soal balas atau perbicaraan dengan melakukan satu proses tazkiyah shuhud kepada saksi-saksi bagi mempertikaikan keboleh percayaan seseorang saksi – Isu Kredibiliti saksi tidak pernah sama sekali dikemukakan pada masa proses perbicaraan. Oleh yang demikian Saksi-saksi Plaintiff yang dikemukakan adalah relevan, benar, telus dan tidak ada sama sekali unsur-unsur tomahan.
87. Di atas tuntutan dan pembelaan serta keterangan-keterangan yang telah diberikan oleh Plaintiff-Plaintif dan Defendan serta Saksi-saksi mereka dan hujahan Peguam Plaintiff dan Defendan yang bijaksana, maka saya berpuas hati bahawa kedua-duanya Plaintiff-Plaintif dan Defendan berhak

mendapat apa yang dituntut berdasarkan bukti-bukti kukuh yang ditunjukkan. Maka dengan ini Mahkamah perintahkan seperti berikut:

**PERINTAH:**

10. Mahkamah sabit dan istiharkan bahawa harta-harta yang dituntut iaitu:
  - c. Harta sebuah rumah H.S.(M) 141/78 Lot 1558 Kawasan Bandar V, Daerah Melaka Tengah Melaka.
  - d. Sebuah rumah yang dibeli oleh XXXXXX di PT No. 1094, H.S.(D) 11283, Mukim Bukit Katil, Melaka.

Adalah diistiharkan sebagai harta sepencarian diantara XXXXXX dengan Defendan XXXXXX dan Plaintif-Plaintif selaku anak-anaknya berhak ke atas harta tersebut.

11. Mahkamah perintahkan sebuah rumah H.S.(M) 141/78, Lot 1558 Kawasan Bandar V, Daerah Melaka Tengah, Melaka dibahagikan dua.  $\frac{1}{2}$  bahagian diberikan kepada XXXXXX dan  $\frac{1}{2}$  bahagian lagi diberikan kepada Defendan.

$\frac{1}{2}$  bahagian daripada bahagian milik XXXXXX hendaklah diberikan dan diletak Hak kepada Plaintif Kedua iaitu XXXXXX.

3. Rumah tersebut hendaklah dinilai mengikut harga pasaran semasa. Sekiranya rumah tersebut hendak diserahkan kepada Plaintiff Kedua maka Plaintiff Kedua hendaklah membayar  $\frac{1}{2}$  bahagian daripada nilai rumah kepada Defendan. Sekiranya Defendan berkehendakan rumah tersebut maka Defendan hendaklah membayar  $\frac{1}{2}$  bahagian daripada nilai rumah tersebut kepada Plaintiff Kedua.

Sekiranya rumah tersebut hendak dijual maka wang tersebut hendaklah dibahagi dua.  $\frac{1}{2}$  bahagian kepada Defendan,  $\frac{1}{2}$  bahagian lagi kepada Plaintiff Kedua.

4. Mahkamah perintahkan sebuah rumah lagi di PT No.1094, H.S.(D) 11283, Mukim Bukit Katil dibahagikan mengikut kadar seperti berikut:-

Defendan mendapat kadar sumbangan secara langsung dan tidak langsung adalah sebanyak RM 8,000.00 manakala XXXXXX mendapat selebihnya.

Hak bahagian XXXXXX selebihnya hendaklah dibahagikan kepada ketiga-tiga Plaintiff-plaintif mengikut persetujuan di antara mereka.

5. Mahkamah perintahkan supaya semua barang-barang kemas yang menjadi Hakmilik XXXXXX hendaklah dinilai dipasaran semasa dan

jumlah wang tersebut hendaklah dibayar dahulu hutang-hutang kepada penyumbang-penyumbang *renovation* rumah di Lot 1558 Melaka Tengah.

Sekiranya ada baki wang tersebut, pihak-pihak yang terlibat hendaklah membuat permohonan rasmi faraid di Mahkamah Tinggi dengan seberapa segera yang boleh.

6. Mahkamah menolak tuntutan Defendan untuk mendapat wang khairat kematian, SES getah daripada Risda serta ganti rugi kesemua wang tersebut telah dibelanjakan untuk pengajian dan keperluan anak-anaknya.
7. Mahkamah menolak tuntutan untuk mensabitkan Hibah Plaintiff-Plaintif untuk mendapat  $\frac{1}{2}$  bahagian hibahan kepada Plaintiff Kedua kerana ia tidak memenuhi kehendak rukun dan syarat sah Hibah.
8. Kos ditanggung oleh pihak masing-masing.